

17 JAN 1999

Dompok-BN

PILIHAN RAYA NEGERI: DOMPOK YAKIN BN AKAN MENDAPAT KEMENANGAN BESAR

KOTA KINABALU, 17 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini terus membisu dan membiarkan spekulasi mengenai pembubaran Dewan Undangan Negeri di buat.

Dalam berkata bahawa perkara itu tidak dibincang secara khusus pada pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional Sabah di Kuala Lumpur semalam, Dompok bagaimanapun melahir keyakinan bahawa BN akan menyapu bersih dalam pilihan raya negeri akan datang.

"Para pemimpin BN negeri bukan bertemu dengan Perdana Menteri untuk mengadakan perbincangan khusus mengenai pilihan raya... Kita berbincang mengenai Sabah secara umum dan sudah tentu, memandangkan penggal Dewan Undangan Negeri sekarang sudahpun hampir tarikh tamatnya, perkara itu turut dibincangkan," katanya kepada pemberita di sini.

Diminta mengulas lanjut, Dompok berkata: "Tidak ada perbincangan khusus mengenai tarikh pilihan raya, dan kami tidak menetapkan calon untuk pilihan raya (pada pertemuan dengan PM itu)."

Dompok bagaimanapun berkata beliau tidak melihat sebarang perbezaan pendapat yang besar antara parti-parti komponen BN dalam peruntukan kerusi.

Wakil kesemua sembilan parti komponen BN Sabah hadir pada pertemuan dengan Dr Mahathir semalam.

Dompok yang juga pengerusi BN Sabah juga berkata soal tarikh pilihan raya negeri itu sepatutnya bukan lagi menjadi isu di Sabah kerana Dewan Undangan Negeri sekarang sudahpun hampir mengakhiri penggalnya pada 18 Mac.

Mengenai sama ada peluang BN dalampilihan raya negeri akan datang dibincangkan pada pertemuan itu, Dompok berkata, mereka telah diarah oleh Perdana Menteri memaklumkan kepadanya mengenai kekuatan dan kedudukan parti dan "kami tahu kami akan memimpin negeri ini memasuki era baru."

Menjawab soalan mengenai kemungkinan berlaku "Dewan tergantung" di mana tidak parti yang mendapat majoriti jelas dalam pilihan raya, Dompok berkata: "Sejauh mana yang dapat saya lihat, rakyat Sabah senang dengan BN dan saya tidak nampak apa-apa sebab untuk dibimbangkan mengenai Dewan tergantung kerana BN akan menang dengan besar."

Sebelum itu Dompok menyampaikakan RM500,000 sebagai sebahagian daripada sumbangan sebanyak RM1.5 juta kepada pembinaan bangunan baru kuil Fook Tet Kung di bandar Donggongon dekat sini.

-- BERNAMA

JS WAT